

Headline	PERHILITAN ambil alih pokok Bukit AEON		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	22 Dec 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	14	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	426 cm <sup>2</sup>
Journalist	Hamizah Badiran	AdValue	RM 14,685
Frequency	Daily	PR Value	RM 44,054



# PERHILITAN ambil alih pokok Bukit AEON

➔ Syarikat serah 60,000 spesies tumbuhan bagi dikawal, dipelihara pakar

Oleh Hamizah Badiran  
hamizah@nstp.com.my

► Dengkil

**A**EON Co (M) Bhd menyerahkan kawasan penanaman pokok seluas 26 hektar dikenali sebagai Bukit AEON di Paya Indah Wetlands kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), di sini, semalam.

Menerusi penyerahan itu, ia membolehkan PERHILITAN mengawal selia, memelihara dan memulihara secara berterusan lebih 60,000 pelbagai spesies pokok hutan seperti kekabu, gelam, saga, bruas dan pelong yang ditanam oleh AEON sejak 14 tahun lalu hingga kini di kawasan berkenaan.

Pengarah Urusannya, Shinobu Washizawa, berkata aktiviti menanam pokok di Paya Indah Wetlands termasuk dalam Projek Hu-

tan Persahabatan-Malaysia, yang mula diusahakan pada 15 September 2004.

"Projek berkenaan antara projek hijau paling berjaya dilaksanakan AEON dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, murid, komuniti setempat, penuntut, rakan niaga dan kakitangan AEON serta sukarelawan Jepun.

"Sepanjang tempoh itu, seramai 6,600 sukarelawan sudah menanam pokok di sini. Kami di AEON akan terus bergerak proaktif dalam kegiatan memelihara flora dan fauna termasuk pendidikan alam sekitar untuk menyampaikan keindahan alam semesta yang penuh dengan kehidupan kepada generasi akan datang.

## Bawah seliaan pakar

"Saya percaya, setiap pokok di tanah ini sihat dan dijaga sebaik mungkin di bawah seliaan Perhilitan kerana mereka lebih pakar," katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Kawasan Penanaman Pokok oleh AEON itu.

Yang turut hadir, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar; Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Dr Tan Yew Chong; Ketua Pengarah PERHILITAN, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim; Pengarah Eksekutif AEON Co (M) Bhd, Poh Ying Loo dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)



[FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]

**Xavier bersama Ying Loo (kanan) mendengar penerangan mengenai pokok hutan oleh Pegawai Kanan Penyelidikan FRIM, Dr Ang Lai Hoe pada Majlis Penyerahan Kawasan Penanaman Pokok oleh AEON di Dengkil, semalam.**

Dengkil, Adhif Syan Abdullah.

Sementara itu, Xavier berkata, Kementerian sentiasa komited melakukan terbaik dan mengalu-alukan segala bentuk kerjasama badan korporat dalam usaha pemeliharaan serta pemuliharaan alam sekitar bagi manfaat generasi masa hadapan.

"Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak kerana sudah memberi so-

kongan serta sumbangan dalam pelbagai bentuk termasuk masa dan tenaga.

"Usaha dilakukan AEON ini selain sebagai simbol hubungan erat terjalin antara Malaysia dan Jepun, ia juga diharap memberi contoh kepada pihak lain untuk melakukan perkara sama demi kesejahteraan kehidupan manusia, flora, fauna dan biodiversiti.

"Program seumpama itu wajar

diteruskan bagi menyuntik kesedaran masyarakat supaya lebih bertanggungjawab dengan memulihara tanaman mahupun hidupan liar," katanya.

Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) AEON dalam penanaman pokok dan hutan pertama kali dilancarkan pada 1991 di AEON Mall Melaka. Setakat ini AEON sudah menanam lebih 500,000 pokok di Malaysia.